

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) akan menganjurkan Pertandingan Merekacipta Logo JKP MPS bagi mewujudkan logo seragam JKP, MPS. Pertandingan ini dijalankan bertujuan untuk memilih sebuah logo yang boleh digunakan oleh JKP, MPS.

1. OBJEKTIF PERTANDINGAN

- a. Membangunkan logo JKP MPS untuk digunakan oleh 24 Zon JKP.
- b. Memberi peluang kepada semua anggota MPS, Ahli JKP dan Penduduk yang menetap di kawasan MPS untuk menonjolkan tahap kreativiti dalam mencipta Logo JKP MPS.

2. PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO JKP MPS

MPS akan menganjurkan satu pertandingan mencipta Logo. Semua Staf MPS, Ahli JKP dan penduduk yang menetap di kawasan MPS adalah dipelawa untuk menyertai pertandingan ini.

3. TEMA

Logo JKP (JAWATANKUASA PENDUDUK) MPS perlu melambangkan kemajuan dan kepesatan pembangunan. Tanggungjawab sebagai Wakil Penguasa Tempatan akan dilaksanakan dengan terbaik selaras dengan moto "Mampan, Progresif, Sejahtera".

4. SPESIFIKASI

- i. Reka Bentuk mestilah baru dan asli;
- ii. Digalakkan menggunakan warna rasmi logo MPS iaitu **Biru, Merah, Kuning dan Putih**.
- iii. Logo berkenaan wajib menggunakan perkataan JAWATANKUASA PENDUDUK MPS.
- iv. Bercirikan unsur kebersihan/keselamatan;
- v. Saiz rekaan tidak melebihi saiz kertas A4;
- vi. Menggambarkan identiti dan imej korporat MPS serta memberi gambaran grafik yang amat berkesan kepada organisasi;
- vii. Reka bentuk boleh dilukis dengan tangan (*free hand*) atau grafik komputer;
- viii. Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas;
- ix. Setiap warna dan bentuk yang digunakan dalam rekaan logo hendaklah disertakan dengan definisi bagi setiap simbol atau warna yang digunakan.

4.1 Rekaan

- i. Warna dan corak pada setiap Logo yang dicipta mesti disertakan dengan penerangan dan rasional dalam Bahasa Malaysia.
- ii. Rekaan Logo juga boleh dibuat dalam bentuk 2 atau 3 dimensi.

4.2 Kegunaan Logo

Logo yang digubah perlu sesuai untuk digunakan dalam Jawatankuasa Penduduk, MPS.

4.3 Keaslian Logo

Reka bentuk Logo mestilah asli dan tidak boleh mengandungi unsur yang dianggap sensitif dari segi kaum, budaya dan agama.

5. BENTUK PROMOSI

Pertandingan akan diwar-warkan melalui emel dan Portal MPS.

6. SYARAT PENYERTAAN

- a. Semua Staf MPS, Ahli JKP dan penduduk yang menetap di kawasan MPS.
- b. Semua penyertaan melalui emel : zonammps@gmail.com dan perlu menghantar sebelum atau pada 18 Disember 2020 (Jumaat).
- c. Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan namun setiap peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. Setiap penyertaan mestilah dilengkapi dengan **Nama Penuh, Nombor Kad Pengenalan, Nombor Telefon dan Alamat (dalam kawasan MPS sahaja)** hendaklah dicatatkan dengan jelas di dalam emel.
- d. Peserta hendaklah memastikan keaslian Logo yang dicipta terpelihara. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hakcipta Logo tersebut.
- e. Setiap penyertaan Logo yang diterima tidak akan dipulangkan dan akan menjadi hak milik MPS. Selain itu, MPS mempunyai hak untuk menggunakan Logo yang diterima dan mendaftarkannya sebagai hak milik harta intelektual MPS.
- f. MPS juga mempunyai hak untuk mengubah suai Logo yang direka cipta oleh peserta.
- g. Pemenang akan dihubungi melalui telefon atau emel.
- h. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini atas tanggungan peserta sendiri.

7. PENGADILAN

- a. Setiap penyertaan akan dinilai dari aspek konsep, kreativiti, dan keaslian oleh panel juri yang dilantik oleh MPS.
- b. Keputusan panel juri adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

8. HADIAH

Hadiah berupa wang tunai dan saguhati akan diberikan kepada pemenang yang berjaya.

Pertama	: RM500.00
Kedua	: RM300.00
Ketiga	: RM100.00
Saguhati	: Tempat Ke-4 Hingga Tempat Ke-13

-----TAMAT-----